



USM UNIVERSITI
SAINS
MALAYSIA



PUSAT PENGAJIAN ILMU PENDIDIKAN

SEMESTER 1

SIDANG AKADEMIK 2020/2021

HMT211 – FONETIK BAHASA MELAYU

LATIHAN 2

DISEDIAKAN OLEH:



MOHAMAD NUR IRFAN BIN MAT NOOR

(142591)

NAMA PENSYARAH:

PUAN NORHANIZA BINTI ABDUL KHAIRI

1. Bagaimana [e] Dibunyikan. Tunjukkan Contoh Bunyi (Rakaman Suara) Dan Esei Pendek Membincangkan Perbandingan Bunyi [e] Dalam Beberapa Bahasa Di Dunia Yang Menggunakan Bunyi Ini Dalam Pertuturan Mereka. Jadikan Bahasa Melayu Sebagai Topik Perbincangan Utama. -1 Halaman A4.

Vokal [e] merupakan salah satu daripada enam bunyi vokal bahasa Melayu iaitu [a], [e], [o], [u], [ə] dan [i]. Bagi penghasilan bunyi vokal depan separuh tinggi [e], hujung lidah dinaikkan separuh tinggi ke langit keras dan bibir dihamparkan. Langit lembut pula diangkat rapat kepada belakang tekak dan menutup rongga hidung. Udara keluar melalui rongga mulut sambil menggetarkan pita suara. Semasa lafaz bunyi ini bibir berada dalam keadaan terhampar dan pembukaan bibir semasa melafazkan bunyi ini agak sederhana. Vokal [e] ini boleh berada pada tiga kedudukan iaitu awal, tengah dan akhir perkataan. Sebagai contoh diawal perkataan [elo?] dan [ena?]. Pada kedudukan tengah ialah [telen] dan [belo?]. Akhir perkataan pula ialah [tauge] dan [sate].

Antara perbandingan bunyi vokal [e] yang digunakan dalam beberapa bahasa di dunia ialah bahasa Indonesia dengan contoh perkataan [hewan] yang bermaksud “haiwan” dalam bahasa Melayu. Kedudukan vokal [e] pada perkataan [hewan] berada pada tengah perkataan. Berlaku perbezaan ejaan dan sebutan antara bahasa Melayu dengan bahasa Indonesia dimana berlaku penyingkiran pada bunyi diftong [ai] pada perkataan [haiwan] tetapi mempunyai makna yang sama pada kedua-dua bahasa tersebut. Seterusnya ialah bahasa Mandarin iaitu perkataan [shénme] yang memberi maksud “apa” di dalam bahasa Malayu. Vokal [e] pada perkataan [shénme] berada pada tengah perkataan. Terdapat perbezaan vokal [e] yang dibunyikan [é] iaitu suprasegmental nada tahap tinggi kerana ciri suprasegmental pada tanda diakritik yang membezakan cara sebutan nada tinggi atau rendah. Tekanan suara pada perkataan [shénme] dibaca dengan penekanan penyebutan nada tahap tinggi yang menyatakan maksud “khusus di tujukan kepada sesuatu”. Sebagai contoh “Nǐ zuò [shénme] fàn ya” yang bermaksud “kamu ingin masak apa”, tetapi apabila kata tanya [shénme] dibaca dengan tekanan suara yang rendah, jadi maksud yang dihasilkan juga berbeza iaitu penutur ingin memberitahu seseorang bahawa “kamu tidak perlu masak”. Oleh itu, terdapat perbezaan fonem suprasegmental antara bahasa Melayu dengan kedua-dua bahasa yang dikaji walaupun kedua-dua bahasa mempunyai nada, tetapi bahasa Indonesia tidak membezakan makna tetapi bahasa Mandarin membezakan makna.

2. Kenalpasti Perbezaan /a/ Yang Dikemukakan Dalam Rajah Kardinal Vokal Dalam Carta IPA. Nyatakan Perbandingan Dalam Bentuk Jadual Dengan Sokongan Hujah.

Jenis Simbol	Istilah	Kedudukan Lidah	Cara Penghasilan	Contoh Perkataan		
				Awal	Tengah	Akhir
[a]	Vokal Depan Luas	Lidah diturunkan serendah-rendahnya dalam rongga mulut	Bibir dalam keadaan hampar. Udara akan keluar dari paru-paru melalui pita suara dan rongga mulut. Pita suara akan bergetar dan bunyi bersuara akan berhasil.	Bahasa Melayu - [anaʔ]	Bahasa Melayu - [banʔku]	Bahasa Melayu - [pola]
[æ]	Vokal Depan Tengah Luas	Lidah terletak jauh dari langit. Dibunyikan apabila lidah berkeadaan mendatar ke depan selari.	Bibir dalam keadaan neutral. Vokal [æ] sering digunakan dalam pertuturan bahasa Melayu yang sudah terbiasa dengan pertuturan bahasa Inggeris. Pita suara akan bergetar dan bunyi bersuara akan berhasil.	Bahasa Benggali - [æk] 'satu'	Bahasa Inggeri - [khæt] 'kucing'	Bahasa Vietnam - [fæ] 'peringkat'
[ɐ]	Vokal Tengah Luas	Kedudukan di tengah lidah di bahagian vokal depan luas vokal tengah rendah	Vokal ini boleh berbentuk bundar dan tidak bundar. Pita suara akan bergetar dan bunyi bersuara akan berhasil.	Bahasa Vietnam - [ɛn] 'makan'	Bahasa Inggeri - [nɛt] 'kacang'	Bahasa Portugis - [sakɐ] 'guni'
[ɑ]	Vokal Belakang Luas Tidak Bundar	Lidah terletak belakang sekali dalam mulut pada titik paling bawah	Bibir tidak dibundarkan. Udara keluar melalui rongga mulut. Pita suara akan bergetar dan bunyi bersuara akan berhasil.	Bahasa Angor - [ɑpa] 'bapa'	Bahasa Perancis - [pat] 'doh'	Bahasa Inggeris - [spɑ] 'spa'
[ɒ]	Vokal Belakang Luas Bundar	Lidah terletak jauh dari langit dan diturunkan pada kedudukan hampir terbuka	Bibir dalam keadaan dibundarkan. Pita suara akan bergetar dan bunyi bersuara akan berhasil.	Bahasa Kol - [ɒle] 'nama'	Bahasa Norway - [kɒl] 'kobis'	Bahasa Gurun Barat - [wɒŋgɒ] 'bercakap'

RUJUKAN

1. Asmah Haji Omar. (2018). Teori dan Kaedah Fonetik. Dewan Bahasa dan Pustaka. Kuala Lumpur.
2. Indirawati Zahid & Mardian Shah Omar. (2012). Fonetik dan Fonologi Edisi Kedua. PTS Publications & Distributors Sdn Bhd. Selangor.
3. Mulyaningsih, D. H. (2014). Perbandingan Fonologi Bahasa Indonesia dan Bahasa Mandarin. *BAHTERA: Jurnal Pendidikan Bahasa dan Sastra*, 13(1), 1-10.
4. Putradi, A. W. A. (2016). Pola-Pola Perubahan Fonem Vokal Dan Konsonan Dalam Penyerapan Kata-Kata Bahasa Asing Ke Dalam Bahasa Indonesia: Kajian Fonologi. *Jurnal Arbitrer*, 3(2), 95-112.
5. Mulyaningsih, D. H. (2014). Perbandingan Fonologi Bahasa Indonesia dan Bahasa Mandarin. *BAHTERA: Jurnal Pendidikan Bahasa dan Sastra*, 13(1), 1-10.
6. Wibowo, S. F. (2017). Fonem Segmental dan Distribusinya dalam Bahasa Rejang Dialek Musi. *Madah: Jurnal Bahasa dan Sastra*, 7(1), 37-46.
7. Yahaya, A. F., Almuddin, S., & Abd Hamid, M. Z. (2016). Vokal Schwa dalam kata pinjaman bahasa Arab. *Academic Series of Universiti Teknologi MARA Kedah*, 11(1), 18-29.
8. Rusli, N. F. M., Aziz, A. Y. A., Ariffin, R. M. R., Yusop, M. S., & Samasu, S. F. (2015). Derivasi Rumus Reduksi Vokal dan Pembentukan Glotis dalam Bahasa Kerinci. *GEMA Online® Journal of Language Studies*, 15(3).
9. Shahidi, A. H., Langgau, S., & Aman, R. (2015). Pola Pertembungan Bahasa Dalam Komunikasi Berbahasa Melayu Oleh Penutur Natif Iban. *Jurnal Komunikasi: Malaysian Journal of Communication*, 31(2).
10. Rohbiah, T. S., Nur, T., Wahya, W., & Gunardi, G. (2019). Perubahan Bunyi Vokal Pada Kata Serapan Bahasa Arab Dalam Bahasa Inggris. *Lingua Didaktika: Jurnal Bahasa dan Pembelajaran Bahasa*, 13(2), 138-153.